

## **Penerimaan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua Dalam Kalangan Murid Berbangsa Bajau Khairul Nizam Bin Mohamed Zuki**

**Kementerian Pendidikan Malaysia**

*Corresponding Author: Kementerian Pendidikan Malaysia*

---

**Abstract:** *This study is conducted to obtain information about interest, attitude and motivate in the learning of Malay language in a primary school. This study aims to investigate the role of the Malay language in increasing students' interest, attitude, and motivate towards the learning of second languages. This is a case study which uses a qualitatif approach. 3 students have been selected purposefully as volunteers for this study. The participants selected are Year 4 students from the same school. The instruments used in this study are observation, interview and survey. The observation is conducted to obtain information about the students' attitude in learning Malay language. The interview strategies used to observed the interest in learning Malay language and survey's instrument to obtain the motivated of students in second languages learning.*

**Keyword:** *Malay language, second languages, interest, attitude, motivated.*

---

Date of Submission: 12-10-2017

Date of acceptance: 25-10-2017

---

### **I. Pengenalan**

Bahasa merupakan elemen terpenting dalam kehidupan seharian manusia. Bahasa berperanan sebagai medium komunikasi yang penting untuk menerima dan menyampaikan maklumat. Melalui bahasa juga, seseorang individu mampu untuk menyampaikan kehendak, perasaan, pendapat, pengalaman, buah fikiran dan pengetahuan, di samping mendapatkan maklumat, menambah ilmu pengetahuan dan memahami orang lain (Kamiliah, 2015). Dengan penguasaan bahasa yang baik, seseorang individu boleh menyumbang pelbagai kemahiran lain melalui bidang yang berbeza seperti bidang pendidikan, perniagaan, komunikasi, perundangan dan sebagainya. Dalam bidang pendidikan khususnya, proses penyampaian dan penerimaan ilmu bermula daripada aspek komunikasi yang baik. Seseorang pendidik tidak akan berjaya mencapai matlamat pendidikan sekiranya keupayaan berkomunikasi adalah lemah. Begitu juga halnya dengan pelajar yang mendalami dan mempelajari ilmu. Aspek berkomunikasi adalah melibatkan keupayaan menggunakan bahasa yang meliputi kesemua kemahiran berbahasa iaitu membaca, menulis, mendengar dan bertutur. Sehubungan itu, bahasa seharusnya berperanan sebagai medium komunikasi yang berkesan dan efektif supaya semua maklumat yang ingin disampaikan boleh diterima dan difahami dengan baik oleh golongan sasaran.

Dasar pendidikan bertujuan untuk membolehkan masyarakat menguasai ilmu dan kemahiran serta nilai murni yang diperlukan dalam dunia yang berdaya saing tinggi dewasa ini (Akta Pendidikan, 1996). Hal ini adalah penting untuk memastikan tahap perkembangan manusia berada pada tahap yang tinggi dari sudut ilmu dan pengetahuan. Bagi memastikan matlamat ini tercapai, maka penguasaan pelbagai bahasa adalah sangat penting. Penguasaan lebih daripada satu bahasa akan membolehkan individu bertutur dan berkomunikasi dalam pelbagai situasi. Selain itu, penguasaan bahasa yang pelbagai juga dapat meningkatkan penggunaan kosa kata, struktur bahasa, dan hukum bahasa yang lebih meluas. Penguasaan bahasa asing ibarat kunci yang perlu digunakan untuk membuka khazanah intelek bangsa asing bagi memperkukuh dan membina kekuatan bangsa (A. Rahim A, 2003). Hal ini bermaksud penguasaan lebih daripada satu bahasa adalah sangat penting untuk membantu membangunkan sesuatu bangsa. Proses penguasaan bahasa asing bermula dengan proses mempelajari sesuatu bahasa baharu. Hal ini dinamakan sebagai pembelajaran bahasa kedua. Menurut Zulkifley, Karim dan Saadih (2000), penguasaan bahasa kedua diperoleh melalui proses pengajaran dan pembelajaran secara formal. Bagi menguasai bahasa kedua, seseorang pengguna bahasa seharusnya telah menguasai bahasa pertama dengan kukuh terlebih dahulu. Apabila bahasa pertama sudah kukuh, barulah proses penerimaan bahasa kedua dapat dipelajari dengan baik. Nur Hayati (2002), menyatakan bahawa pembelajaran bahasa kedua berlaku lebih terkemudian dengan andaian bahawa bahasa pertama telah kukuh dikuasai oleh kanak-kanak. Justeru itu, penguasaan bahasa kedua hanya boleh berlaku sekiranya bahasa pertama yang diperoleh sudah mencapai tahap penguasaan yang baik atau hampir sempurna.

Dalam konteks pendidikan di Malaysia, kebanyakan pelajar telah terdedah kepada lebih daripada satu bahasa. Hal ini merujuk kepada penggunaan bahasa ibunda yang berlainan mengikut kaum yang berbeza. Setiap kaum atau etnik biasanya mempunyai bahasa pertuturan tersendiri. Perkara ini bertepatan dengan konsep pembentukan etnik atau kaum yang memiliki budaya, bahasa, adat resam dan kepercayaan yang berbeza-

beza. Sebagai contoh, di semenanjung Malaysia terdiri daripada pelbagai etnik seperti Melayu, Cina, India dan lain-lain lagi. Sementara di Sabah dan Sarawak pula memiliki pelbagai suku kaum seperti Kadazan, Dusun, Bajau, Murut, Bugis, Iban, Bidayuh, Kenyah, Melanau dan sebagainya. Setiap satu etnik dan kaum memiliki bahasa yang berbeza dari segi dialek, struktur bahasa, sebutan dan sebagainya. Terdapat kira-kira 50 jenis bahasa di Sabah dan 32 bahasa di Sarawak (Zamri Mahamod, 2016). Kewujudan pelbagai bahasa ini dapat membuktikan bahawa penggunaan bahasa Melayu bukanlah satu-satunya bahasa ibunda bagi seluruh rakyat di Malaysia. Bahkan, bahasa Melayu berkemungkinan menjadi bahasa kedua atau bahasa ketiga bagi golongan masyarakat yang bukan berbangsa Melayu. Keunikan pelbagai kaum dan bahasa ini menunjukkan bahawa proses penerimaan dan penguasaan bahasa Melayu bukanlah hadir secara semula jadi. Disebabkan itu, maka proses penerimaan bahasa Melayu perlu melalui proses pembelajaran secara formal. Oleh itu, proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua ini pastinya memberikan cabaran untuk para pendidik dalam usaha untuk memartabatkan bahasa kebangsaan dan pada masa yang sama perlu memastikan penggunaan bahasa ibunda masing-masing tidak terus tersisih dalam kalangan masyarakat masa kini.

### ***Pernyataan Masalah***

Penerimaan bahasa kanak-kanak bermula seawal usia enam bulan untuk memperoleh bahasa pertama iaitu bahasa pertuturan atau bahasa ibunda. Hal ini bermakna, proses pemerolehan bahasa pertama akan diterima oleh seseorang kanak-kanak atau individu berdasarkan faktor persekitaran dan pengaruh masyarakat sekeliling. Persekitaran bahasa seseorang kanak-kanak masih didominasi oleh bahasa ibunda mereka, (Zamri Mahamod 2016). Bahasa pertama bertujuan untuk berkomunikasi atau digunakan sebagai bahasa harian oleh sesebuah kelompok masyarakat atau pun suku yang sama. Penggunaan bahasa pertama bukan sahaja berperanan sebagai bahasa berkomunikasi bahkan turut digunakan sebagai item pemerolehan ilmu pengetahuan. Oleh sebab itu, maka bahasa pertama sering dijadikan bahasa ilmu atau pun menjadi bahasa utama dalam proses pembelajaran di sekolah. Melalui penggunaan bahasa pertama, pelajar akan lebih memahami sesuatu perkara atau ilmu yang disampaikan oleh pengajar dengan mudah dan berkesan.

Dalam sistem pendidikan di Malaysia, bahasa utama yang diangkat sebagai medium penyampaian ilmu adalah bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu. Bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi dalam pelbagai perkara meliputi aspek pendidikan. Peranan bahasa Melayu sebagai bahasa pendidikan membolehkan pelajar yang menutur dan menggunakan bahasa Melayu dengan baik untuk menguasai pelbagai bidang ilmu. Kebolehan untuk menguasai bahasa Melayu dapat membantu meningkatkan budaya ilmu di samping berkebolehan untuk bersaing di peringkat yang lebih tinggi. Selain itu, kebanyakan penutur bahasa Melayu juga menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama mereka. Hal ini sekaligus memberi kelebihan kepada penutur bahasa Melayu untuk menguasai bidang ilmu dengan lebih baik. Namun begitu, terdapat segelintir pelajar-pelajar Melayu dan bukan Melayu yang mempelajari bahasa Melayu sama ada sebagai bahasa pertama atau bahasa kedua masih dipengaruhi oleh bahasa ibunda mereka ketika belajar bahasa Melayu, (Farid dan Ajid 1981; Ajib 1990; Liew Siew Lin, Yahya dan Abdul Rasid 2003; Zamri, Bukari, Sabariah dan Rosmini, 2005). Pengaruh bahasa pertama dalam mempelajari bahasa Melayu akan mengakibatkan pelbagai masalah dalam sistem bahasa. Menurut Abdul (1990), pelajar-pelajar yang menggunakan bahasa Melayu akan melakukan kesalahan bahasa, terutama aspek morfologi, sintaksis, mekanis dan lain-lain dalam bahasa tersebut.

Disebabkan oleh penerimaan dan penguasaan bahasa pertama wujud terlebih dahulu sebelum bahasa kedua, maka pengaruh dalam bahasa pertama akan menjadi masalah kepada pemerolehan bahasa kedua. Hal ini menjadi lebih sukar sekiranya pelajar yang mempelajari bahasa Melayu bukanlah daripada golongan penutur bahasa Melayu. Sekiranya pelajar yang bukan golongan penutur bahasa Melayu mempelajari bahasa Melayu, maka bahasa Melayu ini akan menjadi bahasa kedua mereka. Disebabkan itu, maka pelbagai masalah terutama berkaitan sistem bahasa sering kali terjadi semasa proses pembelajaran bahasa Melayu. Masalah-masalah ini sekaligus akan memberikan kesan kepada proses penguasaan dan pemerolehan bahasa. Menurut Abdullah (1996), dalam mempelajari bahasa Melayu, pelajar Melayu dan bukan Melayu mungkin dipengaruhi oleh dialek atau bahasa ibunda mereka. Hal ini dapat dikaitkan dengan masalah dalam bidang fonologi, morfologi dan sintaksis bahasa yang boleh mengalami percampuran dengan bahasa pertama atau pun dialek pelajar. Kesannya, akan berlaku percampuran dari segi kod, nahu, sebutan dan sebagainya. Kebanyakan pelajar juga tidak menyedari masalah kesilapan disebabkan percampuran ini. Justeru itu, kesilapan-kesilapan sebegini seringkali berulang dan akhirnya dianggap sebagai perkara yang betul.

Proses mempelajari bahasa kedua biasanya akan diselang dengan bahasa pertama. Pelajar yang mempelajari bahasa kedua akan menggunakan sistem dalam bahasa pertama sebagai rujukan untuk mempelajari bahasa kedua. Disebabkan itu, maka masalah pemindahan bahasa sering kali berlaku dalam proses pembelajaran bahasa kedua. Menurut Nur Hayati (2000), bahasa pertama dianggap sebagai faktor utama atau mungkin faktor tunggal yang menyebabkan gangguan dalam pembelajaran bahasa kedua. Proses pemindahan bahasa selalunya memberikan kesan terhadap proses pembelajaran bahasa kedua. Antara kesan dan masalah yang sering berlaku semasa proses pemindahan bahasa adalah seperti masalah gangguan bahasa, gangguan peralihan kod, gangguan bahasa pasar, gangguan persekitaran dan gangguan dialek. Kesemua masalah gangguan dalam pemindahan bahasa ini akan mempengaruhi pertuturan, pembacaan dan penulisan pelajar. Disebabkan itu, maka masalah

pemindahan bahasa semasa proses mempelajari bahasa kedua perlu dipandang serius bagi mengelakkan kesalahan bahasa kerap terjadi. Kesalahan dan kesilapan bahasa juga kerap terjadi akibat masalah intralingual pelajar. Menurut Soh Bee Kwee (2001), kebiasaannya pelajar melakukan kesilapan akibat kesukaran yang dihadapi dalam pembelajaran bahasa kedua, bukan disebabkan gangguan bahasa pertama. Justeru itu, terdapat pelbagai faktor yang mendorong kesukaran dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar bukan penutur jati bahasa Melayu.

Dalam membentuk kemahiran dan penghayatan terhadap penggunaan bahasa Melayu, proses pembelajaran di dalam bilik darjah adalah penting. Hal ini adalah kerana, kemahiran dalam memahami dan menggunakan bahasa Melayu bermula dari peringkat sekolah lagi. Pengetahuan yang telah diperolehi semasa proses pengajaran dan pembelajaran perlu diaplikasikan bukan sahaja di dalam bilik darjah bahkan juga di luar sesi persekolahan. Melalui amalan pembudayaan yang berterusan, barulah proses penerimaan sesuatu bahasa dapat diterjemahkan dalam kehidupan seharian. Namun, disebabkan oleh perbezaan golongan penutur, proses pembelajaran bahasa Melayu menjadi agak rumit dan membimbangkan. Hal ini kerana, pelajar yang bukan dalam kalangan penutur jati bahasa Melayu dilihat menghadapi pelbagai masalah dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Kebanyakan pelajar yang bukan Melayu atau pun dalam kalangan pelajar berbangsa lain lebih gemar menggunakan bahasa ibunda mereka berbanding bahasa Melayu. Kecenderungan mereka bukan sahaja tertumpu dalam komunikasi sesama mereka sahaja sebaliknya keadaan tersebut juga berlaku dalam kelas bahasa Melayu walaupun pelbagai cara telah dilaksanakan untuk menggalakkan pelajar menggunakan bahasa Melayu, (Zamri Mahamod dan Zarina Othman, 2001).

Proses penerimaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dipengaruhi oleh beberapa elemen penting dalam diri pelajar. Antaranya adalah melibatkan sikap dan motivasi pelajar itu sendiri terhadap bahasa Melayu. Menurut kajian Abdullah (2004), terdapat hubungan yang signifikan terhadap pencapaian dengan sikap dan motivasi pelajar terhadap sesuatu mata pelajaran. Sehubungan dengan itu, faktor sikap dan motivasi sangat memainkan peranan untuk menentukan tahap penerimaan pelajar terhadap perkara yang dipelajari. Sekiranya seseorang pelajar itu tidak berminat untuk mempelajari bahasa Melayu, maka motivasinya terhadap proses pembelajaran akan menjadi rendah. Disebabkan itu, maka pelajar tersebut akan mengalami masalah untuk menghayati dan menguasai bahasa keduanya dengan baik. Selain itu, faktor sikap dan motivasi juga mampu memberikan impak kepada tahap pencapaian pelajar, sama ada di peringkat sekolah mahu pun di peringkat pengajian tinggi, (Jerie dan Zamri, 2011). Penerimaan terhadap sesuatu perkara baharu perlulah didahului dengan keinginan yang mendalam untuk seseorang pelajar itu mengetahuinya. Keinginan dan keghairahan untuk mempelajari dan memahami sesuatu perkara ini dinamakan sebagai minat. Bagi memastikan minat dapat disemai dalam kalangan pelajar, maka faktor motivasi terlebih dahulu perlu disematkan dalam diri pelajar. Justeru itu, faktor minat dan motivasi ternyata sangat memainkan peranan dalam proses mempelajari bahasa Melayu.

Selain itu, peranan sikap pelajar terhadap proses pembelajaran bahasa Melayu juga turut memainkan peranan. Sikap bermaksud sejauh mana keupayaan pelajar untuk menerima bahasa Melayu sebagai bahasa kedua sebagai pilihan untuk berkomunikasi berbanding bahasa ibunda. Sekiranya seseorang pelajar mempunyai sikap yang positif terhadap bahasa Melayu, maka pelajar terbabit akan berusaha untuk mengukuh dan memperbaiki kelemahan dalam menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan. Namun, sekiranya pelajar menunjukkan sikap yang negatif seperti tidak mahu menggunakan bahasa Melayu untuk bertutur, maka proses penerimaannya terhadap bahasa kedua akan menjadi perlahan. Hal ini kerana, kebanyakan pelajar bukan Melayu sering menggunakan dwibahasa apabila bertutur dalam bahasa Melayu. Selain itu, pelajar bukan Melayu juga sering memilih bahasa ibunda apabila bertutur sesama mereka. Perkara ini sering terjadi kerana sikap pelajar yang mementingkan penyampaian maklumat berbanding penekanan terhadap struktur bahasa Melayu itu sendiri. Walaupun pelbagai usaha telah dijalankan di pelbagai peringkat seperti kempen bulan bahasa dan sebagainya, namun sikap pelajar terhadap bahasa Melayu masih lagi kurang berkesan. Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah untuk melihat minat, motivasi dan sikap pelajar daripada suku kaum Bajau di Sabah, dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua di peringkat sekolah rendah.

### ***Tujuan Kajian***

Kajian ini bertujuan untuk meneroka dan mendapat maklum balas tentang sejauh mana sikap murid-murid suku kaum Bajau yang bersekolah di kawasan pedalaman terhadap penerimaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk meneroka minat murid terhadap proses pembelajaran bahasa Melayu di dalam kelas. Di samping itu, kajian ini turut melihat bagaimana motivasi murid dapat dibentuk menerusi proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu yang merupakan bukan bahasa pertama atau bahasa pertuturan harian mereka.

### ***Objektif Kajian***

Berdasarkan kajian ini, objektif umum yang disasarkan adalah untuk mengkaji penerimaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan murid berbangsa Bajau di sekolah pedalaman. Sementara objektif khusus kajian pula adalah seperti berikut :

1. Meneroka sikap murid terhadap penerimaan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.
2. Meneroka minat murid terhadap penerimaan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.
3. Meneroka motivasi murid terhadap penerimaan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

## **II. Sorotan Literatur**

### ***Pengenalan***

Pelbagai dasar telah disusun oleh Pihak Kementerian Pendidikan untuk memastikan bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu dapat dimartabatkan dalam bidang pendidikan di negara ini. Pelaksanaan pelbagai program di segenap bahagian telah membuktikan betapa seriusnya usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu terlaksana dengan jayanya sekaligus dapat memberikan manfaat kepada semua pihak. Oleh itu, sudah menjadi tanggungjawab semua pihak terutamanya para pendidik untuk memastikan matlamat ini dapat tercapai. Segala usaha ini bukan hanya tertumpu kepada peringkat atasan sahaja malahan turut meliputi segenap peringkat termasuk di peringkat sekolah. Dengan terlaksananya syarat wajib lulus mata pelajaran bahasa Melayu, dapat membuktikan betapa pentingnya penguasaan terhadap bahasa Melayu. Kesemua aspek untuk menguasai bahasa Melayu perlu ditekankan tidak kiralah dalam mendalami kemahiran bertutur, membaca mahu pun menulis. Melalui penguasaan bahasa Melayu yang baik juga akan membantu murid-murid untuk menguasai pelbagai cabang ilmu sekaligus dapat membuka ruang untuk berdaya saing pada masa kini.

Umum mengetahui bahawa aspek penguasaan bahasa Melayu bukan masalah serius bagi penutur jati masyarakat Melayu. Namun, hal ini adalah sebaliknya bagi golongan bukan penutur jati. Kepelbagaian etnik dan kaum di negara ini khasnya, menyediakan pelbagai bahasa dan budaya yang berbeza. Setiap satu etnik mahu pun kaum memiliki bahasa pertuturan dan komunikasi tersendiri mengikut tempat dan budaya yang berbeza. Hal ini sekaligus menggambarkan bahawa terdapat pelbagai jenis bahasa yang berbeza yang menjadi bahasa pertama bagi golongan masyarakat yang berbeza etnik dan kaum. Disebabkan itu, maka bahasa Melayu bukanlah menjadi bahasa pertama bagi semua kaum dan etnik terutama bagi masyarakat yang tinggal di Sabah dan Sarawak. Perbezaan bahasa ini sekaligus menjadikan bahasa masyarakat masing-masing sebagai bahasa pertama dan menolak peranan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua atau pun ketiga. Sehubungan itu, pembelajaran bahasa Melayu bagi kaum dan etnik yang berbeza akan melahirkan perasaan, sikap, minat dan motivasi yang berbeza-beza penerimaannya. Oleh yang demikian, pelbagai kajian telah dijalankan oleh para penyelidik untuk melihat bagaimana sikap, minat dan motivasi pelajar terhadap proses pembelajaran bahasa Melayu telah dijalankan. Hal ini bertujuan untuk menjadi pencetus idea kepada para penyelidik untuk meneroka dan melihat sendiri kesannya terhadap proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di sekolah.

### ***Sorotan Kajian Lepas***

Pelbagai kajian telah dijalankan untuk meneroka dan menyelidik tentang tahap penguasaan bahasa kedua di samping keperluan untuk memperkukuhkan bahasa pertama. Bahasa pertama biasanya merujuk kepada bahasa ibunda yang dipertuturkan oleh masyarakat di sekeliling. Bahasa kedua pula merujuk kepada penerimaan bahasa lain yang perlu dipelajari untuk meningkatkan keupayaan diri berkomunikasi secara lebih mendalam. Menurut Zamri Mahamod (2016), setiap manusia akan memperoleh bahasa pertamanya dahulu sebelum mempelajari bahasa kedua. Hal ini menjelaskan bahawa penerimaan bahasa kedua hanya boleh berlaku sejurus setelah menguasai bahasa pertama. Aspek pemerolehan bahasa boleh terjadi mengikut tahap dan peringkat seseorang individu. Di samping itu, keupayaan seseorang untuk menguasai bahasa kedua juga bergantung kepada aspek-aspek tertentu. Pemerolehan bahasa ini berlaku mengikut perkembangan tertentu, biasanya diperoleh secara tidak formal daripada bahasa yang diucapkan oleh masyarakat dalam lingkungan kanak-kanak itu dibesarkan (Krashen dan Torrel, 1983). Justeru itu, penerimaan bahasa kedua perlu dinilai berdasarkan sikap, minat dan motivasi kanak-kanak terhadap pembelajaran bahasa kedua.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Jerie dan Zamri (2011), bertajuk 'Sikap dan motivasi pelajar Iban dalam mempelajari Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua', mendapati bahawa pelajar-pelajar Iban sekolah rendah mempunyai sikap yang positif dan motivasi yang tinggi untuk mempelajari bahasa Melayu. Kajian dijalankan untuk meneroka dan mengetahui sikap dan motivasi yang dimiliki oleh pelajar-pelajar Iban sekolah rendah untuk mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Pengkaji juga telah menetapkan perbezaan jantina sebagai maklumat untuk menilai sikap dan motivasi pelajar tersebut. Kajian ini juga telah dijalankan dengan melibatkan seramai 302 orang pelajar Iban tahun 6 dari 15 buah sekolah rendah yang terletak di daerah Kanowit sebagai sampel kajian. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perbezaan di antara tahap motivasi pelajar lelaki dengan tahap motivasi pelajar perempuan yang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Di samping itu, dapatan kajian ini juga membuktikan bahawa pelajar-pelajar Iban yang bukan penutur jati bahasa Melayu boleh menunjukkan sikap yang positif dari segi penerimaan bahasa Melayu. Oleh itu, penerimaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua perlu dilihat dari sudut sikap dan motivasi untuk memberi gambaran terhadap penerimaan masyarakat bukan penutur jati.

Kajian seterusnya telah dijalankan oleh Nursidah, Fairose, dan Jamaludin (2010) yang bertajuk 'Kelemahan tatabahasa pelajar Cina dalam karangan' untuk meneliti tahap kesalahan yang sering dilakukan oleh golongan pelajar bukan penutur jati bahasa Melayu. Melalui kajian yang dijalankan, pengkaji berminat untuk mengenal pasti aspek kelemahan tatabahasa pelajar Cina dalam penulisan karangan di sebuah sekolah menengah dalam Bandar di daerah Batu Pahat, Johor. Penyelidikan yang dijalankan bertujuan untuk mengkaji masalah tatabahasa pelajar Cina dalam penulisan karangan diperingkat menengah rendah yang dilihat agak

membimbangkan. Berdasarkan kajian yang dibuat, didapati terdapat sembilan aspek kesalahan morfologi yang sering dilakukan oleh pelajar seperti kesalahan imbuan awalan beR, di, ke, meN, pe, kata tugas, ganti nama diri, ejaan dan kosa kata di samping kesalahan struktur ayat. Melalui dapatan kajian ini, bolehlah dikatakan bahawa kesalahan-kesalahan yang berlaku adalah disebabkan oleh tahap penguasaan yang lemah terhadap bahasa kedua. Hal ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor seperti faktor persekitaran, sumber maklumat, minat, tahap motivasi yang berbeza serta sikap pelajar itu sendiri terhadap penerimaan bahasa kedua. Sehubungan dengan itu, pengkaji telah menyarankan para guru untuk mengatasi masalah kelemahan tatabahasa pelajar Cina yang bukan penutur jati bahasa Melayu bagi merancang aktiviti yang sesuai supaya matlamat kurikulum bahasa Melayu boleh tercapai.

Menurut satu lagi kajian yang bertajuk 'Strategi pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar bukan Melayu' pula mendapati bahawa penggunaan strategi pembelajaran yang sesuai berupaya untuk meningkatkan keupayaan proses pembelajaran bahasa Melayu bagi pelajar bukan Melayu. Kajian ini telah dijalankan oleh Kamariah Ayu dan Zamri Mahamod (2015). Penyelidikan ini dijalankan untuk mengenal pasti strategi pembelajaran bahasa Melayu yang digunakan dalam kalangan pelajar bukan Melayu. Pengkaji telah memilih seramai 180 pelajar Cina yang dipilih secara rawak daripada 6 buah sekolah menengah harian di daerah Muar, Johor. Tujuan dan objektif kajian adalah untuk memberi fokus terhadap strategi yang digunakan oleh pelajar Cina untuk menguasai dan mempelajari bahasa Melayu melalui beberapa aspek kemahiran bahasa seperti menulis, membaca, mendengar dan bertutur. Kajian yang dijalankan secara kuantitatif ini menggunakan instrument soal selidik yang telah dibahagikan kepada dua bahagian untuk memperoleh data. Bahagian pertama adalah untuk mengetahui latar belakang dan maklumat responden. Sementara bahagian kedua pula adalah untuk menyelidik penggunaan strategi yang digunakan berdasarkan empat kemahiran bahasa. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan strategi yang berbeza akan memberikan tahap penguasaan yang berbeza. Justeru itu, gaya pembelajaran juga merupakan aspek penting dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Selain itu, Siti Nurliyana dan Zamri Mahamod (2015) telah mengkaji berkaitan pengetahuan, sikap dan kesediaan pelajar dalam mempelajari bahasa Melayu. Menurut kajiannya yang bertajuk 'Pengetahuan, sikap dan kesediaan pelajar terhadap kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran pemahaman bacaan', pengkaji ingin melihat dan mengkaji sejauh mana elemen kemahiran berfikir aras tinggi dalam pembelajaran pemahaman bacaan terhadap pengetahuan, sikap dan kesediaan pelajar. Dalam kajian ini, elemen sikap merupakan rujukan utama untuk menilai bagaimana aspek pengajaran bahasa Melayu terhadap sikap pelajar. Kajian ini telah dijalankan secara tinjauan dengan melibatkan 368 orang pelajar tingkatan 4 di lima buah sekolah di Kuala Lumpur. Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa sikap pelajar dalam mempelajari bahasa Melayu berada pada tahap yang tinggi dengan mengaplikasikan kemahiran berfikir aras tinggi. Selain itu, kajian ini juga berjaya membuktikan bahawa KBAT dapat membantu meningkatkan keupayaan diri pelajar dalam mempelajari bahasa Melayu. Justeru itu, pemilihan aplikasi pengajaran yang bersesuaian dan berkesan juga dapat meningkatkan minat, motivasi dan kesediaan pelajar untuk mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua sekaligus membantu meningkatkan keyakinan diri untuk menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan.

Suthanthiradevi (2004), pula mengkaji aspek kesalahan bahasa yang kerap dilakukan oleh pelajar bukan penutur jati dalam mempelajari bahasa Melayu. Dalam kajiannya yang bertajuk 'Kesalahan bahasa dalam karangan pelajar Tamil yang mempelajari bahasa Melayu di sekolah menengah', penyelidik mensasarkan tujuan untuk menganalisis kesalahan bahasa dalam karangan pelajar Tamil mempelajari bahasa Melayu di sekolah menengah. Dapatan kajian diperolehi melalui analisis penulisan karangan dan soal selidik. Pengkaji ingin melihat kesalahan tatabahasa yang dilakukan dalam aspek perkataan, frasa dan ayat. Berdasarkan hasil dapatan kajian mendapati bahawa kesalahan penggunaan perkataan adalah yang kerap dilakukan oleh sampel kajian diikuti oleh kesalahan dalam menggunakan aspek frasa dan ayat. Penyelidik telah merumuskan bahawa pembelajaran pelajar Tamil dipengaruhi oleh lima proses bahasa. Selain itu, kajian ini juga dapat membuktikan bahawa pelajar Tamil yang sememangnya bukan penutur jati bahasa Melayu masih lemah dalam penguasaan tatabahasa bahasa Melayu malah masih belum menguasai Sistem Tatabahasa Bahasa Melayu itu sendiri. Hal ini mungkin disebabkan oleh faktor minat dan kecenderungan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan dan komunikasi. Oleh itu, proses pembelajaran dan mempelajari bahasa Melayu mestilah diikuti oleh keinginan yang mendalam untuk membantu meningkatkan kefahaman pelajar terhadap penggunaan bahasa kedua.

Berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan sebelum ini, dapatlah dirumuskan bahawa pembelajaran bahasa kedua mestilah diikuti oleh minat yang mendalam untuk mempelajari bahasa tersebut. Melalui minat yang mendalam, akan membantu seseorang pelajar bahasa kedua untuk meningkatkan daya pengetahuan melalui pelbagai kaedah dan teknik yang dibina sendiri. Selain itu, bantuan dan bimbingan daripada para pendidik juga boleh menjadi pemangkin kepada perkembangan minat pelajar terhadap pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Bagi mendalami dan menguasai bahasa kedua juga, pelajar perlulah mempunyai sikap yang positif terhadap bahasa yang dipelajari. Sikap yang positif ini perlu ditunjukkan melalui tingkah laku, persediaan, dan pengetahuan yang diteroka melalui pelbagai elemen seperti persekitaran,

hubungan komunikasi dengan rakan, membuat rujukan, membaca pelbagai bahan dan sebagainya. Di samping itu, aspek motivasi juga perlu dipertingkatkan untuk menanamkan keinginan bagi menguasai sesuatu bahasa. Melalui kesemua elemen ini, proses pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua akan menjadi lebih mudah dan menarik untuk dipelajari. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan dijalankan untuk melihat hubungan di antara sikap, minat dan motivasi pelajar terhadap proses pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

### **III. Metodologi**

#### ***Reka Bentuk Kajian***

Reka bentuk yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan penyelidikan kualitatif berasaskan kajian kes berbentuk penerokaan iaitu untuk meneroka sejauh mana minat yang ditunjukkan oleh sampel kajian terhadap aplikasi pengajaran yang digunakan. Menurut Merriam (2002), kajian kes boleh digunakan untuk mengumpul data kualitatif bagi memantap dan memahami sesuatu situasi atau fenomena, program, proses atau kumpulan sosial secara mendalam. Melalui kajian kes juga, penyelidik berpeluang untuk meneroka dan memperoleh pemahaman secara lebih mendalam terhadap permasalahan yang dikaji.

Selain itu, reka bentuk kajian kes ini juga amat sesuai dalam meneliti dan memahami sebab berlaku sesuatu permasalahan berlandaskan kajian ini. Kajian kes juga membantu pengkaji memahami proses yang terlibat dalam sesuatu peristiwa, projek dan program serta bagi meneroka ciri-ciri konteks yang akan memberi sinar terhadap sesuatu isu atau objek (Sander, 1981). Oleh itu, pemilihan kaedah kajian kes ini dirasakan sangat bersesuaian dan bertepatan dengan pelaksanaan penyelidikan yang dibuat untuk mencapai objektif kajian.

#### ***Lokasi Kajian***

Kajian ini memberi fokus kepada sebuah sekolah yang terletak dalam kawasan Pulau Jambongan, Beluran, Sabah. Sekolah ini merupakan salah sebuah sekolah yang dikelaskan sebagai sekolah pedalaman tahap 3. Sekolah yang dipilih adalah Sekolah Kebangsaan Malalin. Jarak sekolah dengan Pejabat Pendidikan Daerah Beluran adalah sejauh 233 kilometer. Semua sampel kajian yang dipilih adalah penduduk setempat yang tinggal berdekatan dengan sekolah.

#### ***Populasi dan Persampelan Kajian***

Populasi yang terlibat dalam kajian ini ialah semua murid Tahun 4 yang bersekolah di sekolah-sekolah kebangsaan sekitar Pulau Jambongan. Menurut Gay dan Airasian (2003) dalam Norhasmi Othman (2015), populasi merujuk kepada kumpulan sasaran pengkaji, iaitu kumpulan kepada siapa hasil kajian akan digeneralisasikan. Pengkaji juga menjurus kepada sekumpulan individu yang mempunyai ciri-ciri dan kriteria yang sama dengan tujuan kajian yang dijalankan (Cresswell, J.W. 2008). Ciri-ciri yang dilihat adalah berdasarkan kepada faktor umur, kawasan tempat tinggal dan budaya sosial dalam kalangan murid.

Dalam kajian ini, pemilihan sampel kajian adalah terdiri daripada persampelan yang mewakili populasi yang sama. Merriam (2001;2009) berpendapat bahawa, dalam kajian kualitatif tidak wujud penetapan secara khusus terhadap bilangan peserta kajian. Sehubungan itu, pengkaji telah memilih tiga orang sampel kajian yang terdiri daripada murid Tahun 4 dengan pemilihan berdasarkan kaedah persampelan bertujuan. Oleh itu, pemilihan sampel dibuat berdasarkan kelompok sampel kajian yang mewakili populasi yang hendak dikaji, dikenal pasti dan semua aktiviti dalam kelompok tersebut diambil kira sebagai sampel (Sabitha, 2005).

#### ***Instrumen Kajian***

Kajian ini akan menggunakan tiga instrumen untuk menjawab persoalan kajian. Instrumen yang dipilih adalah berdasarkan kesesuaian untuk mengumpul maklumat dan mendapatkan data yang tepat. Pengkaji telah memilih instrumen pemerhatian, temu bual dan soal selidik dalam kajian ini. Kaedah pemerhatian selalunya digunakan apabila pengkaji cuba menyelidik norma, nilai dan maksud tersirat pada subjek yang sedang dikaji (Fox, 1998). Dalam kajian ini, pengkaji ingin melihat dari aspek sikap sampel kajian dalam pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Jenis pemerhatian yang digunakan adalah pemerhatian berstruktur untuk menyiasat kekerapan atau kelakuan secara berulang yang dilakukan oleh sampel kajian. Oleh itu, pengkaji merasakan bahawa pemilihan instrumen pemerhatian amat sesuai digunakan bagi menjawab persoalan pertama dalam kajian ini.

Selain itu, pengkaji juga telah memilih kaedah temu bual sebagai alat untuk memperoleh dan mengumpul maklumat. Instrumen temu bual merupakan satu kaedah pengumpulan data yang melibatkan aktiviti seorang pengkaji menyoal untuk mendapatkan jawapan atau respons yang dihajati daripada responden atau peserta kajian (Robson, 2002). Bagi menjawab persoalan berkaitan bagaimana proses pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dapat menarik minat murid, pengkaji telah memilih untuk menggunakan pendekatan kaedah temu bual sebagai alat untuk memperoleh maklumat yang tepat. Pengkaji juga akan menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur kerana ianya lebih terbuka dan pengkaji juga boleh mengabaikan soalan mengikut kesesuaian (Robson, 2002). Oleh itu, pemilihan kaedah temu bual adalah amat bersesuaian untuk digunakan bagi menjawab persoalan pertama dalam kajian.

Sementara itu, persoalan ketiga kajian iaitu untuk meneroka motivasi murid terhadap proses pembelajaran bahasa Melayu pula, akan dihuraikan dengan mengumpul data melalui kaedah soal selidik. Instrument soal selidik ini akan dijalankan dengan menggunakan kaedah benar-salah kerana ianya lebih ringkas dan mudah untuk dijawab oleh sampel kajian. Menurut Noraini Idris (2013), soal selidik dapat merangkumi butiran pelbagai pilihan, benar-salah, padanan, dan soalan interpretasi. Justeru itu, pengkaji merasakan bahawa pemilihan instrument ini adalah sesuai untuk mengukur dan meneroka tahap motivasi murid dalam mempelajari bahasa Melayu. Selain itu, instrument ini juga dapat memberi peluang kepada sampel kajian untuk memberi jawapan atau respons kepada soalan dengan menulis atau menanda kertas jawapan (Noraini Idris, 2013). Oleh itu, pemilihan instrument soal selidik juga dirasakan amat sesuai untuk menjawab persoalan ketiga dalam kajian ini.

#### **IV. Dapatan Kajian**

##### ***Analisis Sikap Murid Terhadap Penerimaan Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua.***

Pengkaji telah menjalankan kaedah pemerhatian bagi meneroka sikap murid bukan Melayu terhadap penerimaan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Pelaksanaan proses pemerhatian dijalankan dengan menggunakan borang senarai semak. Proses mengumpul data dijalankan semasa proses pengajaran dan pembelajaran sedang berlangsung. Data kemudiannya dikumpul dan dianalisis untuk menjawab persoalan ini.

Secara ringkasnya, hasil dapatan pengkaji adalah untuk mengkaji sejauh mana sikap murid dapat mendatangkan kesan yang positif atau sebaliknya terhadap proses penerimaan bahasa Melayu. Antara ciri yang menjadi fokus pengkaji adalah seperti keinginan untuk mengenali bahasa Melayu dan penuturnya, kebolehan bertutur bahasa Melayu dengan baik, boleh bergaul dengan masyarakat menggunakan bahasa Melayu, kekerapan menggunakan bahasa Melayu di dalam kelas, kebolehan menulis dalam bahasa Melayu, dan keinginan memilih bahan bacaan dalam bahasa Melayu. Hasil dapatan data dibentangkan melalui jadual.

| Item  | SK 1     | SK 2     | SK3      |
|---|----------|----------|----------|
| 1. Keinginan mempelajari bahasa Melayu        | √        | √        | √        |
| 2. Kebolehan bertutur bahasa Melayu           | √        | √        | √        |
| 3. Kebolehan menulis bahasa Melayu            | √        | -        | √        |
| 4. Pemilihan bahan bacaan dalam bahasa Melayu | √        | -        | -        |
| 5. Pergaulan dengan rakan dalam bahasa Melayu | -        | -        | -        |
| 6. Penggunaan bahasa Melayu dalam kelas       | √        | √        | √        |
| <b>JUMLAH</b>                                 | <b>5</b> | <b>3</b> | <b>4</b> |

**Jadual 1** : Senarai semak sikap sampel kajian terhadap pembelajaran bahasa Melayu

Berdasarkan kepada data yang diperolehi, didapati ketiga-tiga sampel kajian menunjukkan keinginan yang tinggi untuk mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua mereka. Selain itu, kesemua sampel kajian juga menunjukkan kebolehan bertutur dalam bahasa Melayu dengan baik. Bagi item kebolehan menulis dalam bahasa Melayu, dua daripada tiga sampel kajian berupaya menguasai kemahiran menulis dengan baik. Sementara seorang sampel kajian tidak berupaya menguasai kemahiran menulis dalam bahasa Melayu dengan baik. Seterusnya adalah meneroka dan melihat pemilihan bahan bacaan yang dipilih oleh setiap sampel kajian. Didapati hanya seorang sampel kajian sahaja yang memilih bahan bacaan dalam bahasa Melayu. Sementara itu, dua lagi sampel kajian memilih bahan bacaan dalam bahasa selain daripada bahasa Melayu. Bagi item pergaulan dengan rakan dalam bahasa Melayu pula, kesemua sampel kajian didapati tidak menggunakan bahasa Melayu ketika berkomunikasi dengan rakan dan masyarakat. Setiap sampel kajian dilihat lebih selesa untuk menggunakan bahasa ibunda mereka iaitu bahasa Bajau sebagai pilihan pertuturan. Namun begitu, dalam pertuturan di dalam kelas, ketiga-tiga sampel kajian dilihat menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi mereka terutama dalam kelas bahasa Melayu.

Kesimpulan yang boleh dibuat daripada instrumen pemerhatian menggunakan senarai semak ini adalah, rata-rata sampel kajian menunjukkan sikap yang positif terhadap penerimaan pembelajaran bahasa Melayu. Hal ini dapat dibuktikan dengan bilangan sikap positif yang dipaparkan menunjukkan sampel kajian pertama melakukan lima sikap positif berbanding enam yang dinilai terhadap penerimaan bahasa Melayu. Sementara itu, sampel kajian kedua pula hanya mampu menunjukkan tiga sikap positif. Sampel kajian ketiga pula melaksanakan empat sikap yang positif dalam mengaplikasikan bahasa Melayu. Justeru itu, sikap seseorang penutur terhadap penerimaan bahasa kedua juga jelas memainkan peranan untuk membuktikan kemampuannya menerima dan menguasai bahasa Melayu dengan baik.

##### ***Analisis Minat Murid Terhadap Penerimaan Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua***

Pengkaji telah menjalankan kaedah temu bual untuk meneroka minat murid terhadap proses pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Pelaksanaan kaedah temu bual dijalankan dengan mengujarkannya enam soalan ringkas untuk dijawab oleh setiap sampel kajian. Jenis soalan yang diujarkannya

berbentuk soalan tertutup di mana sampel kajian hanya perlu menjawab 'ya' atau 'tidak' sahaja. Setiap soalan akan menguji minat dan kesungguhan sampel kajian dalam mempelajari mata pelajaran bahasa Melayu seterusnya diaplikasikan sebagai bahasa kedua. Soalan pertama akan menguji kesungguhan setiap sampel kajian dalam mempelajari bahasa Melayu. Soalan kedua pula, untuk menilai minat sampel kajian terhadap bahasa Melayu. Sementara, soalan ketiga pula bertujuan menganalisis tumpuan yang diberikan oleh sampel kajian dalam proses pembelajaran bahasa Melayu. Bagi soalan keempat sehingga soalan keenam pula, lebih terarah kepada minat sampel kajian dalam mata pelajaran bahasa Melayu. Sesi temu bual ini dijalankan secara berasingan iaitu hanya melibatkan pengkaji dengan sampel kajian sahaja secara bergilir-gilir. Hasil dapatan data ditunjukkan melalui jadual di bawah:

**Sampel Kajian 1**

| Soalan  | Ya       | Tidak    |
|---|----------|----------|
| 1. Adakah kamu bersungguh-sungguh belajar bahasa Melayu?            | √        | -        |
| 2. Adakah kamu berminat belajar bahasa Melayu?                      | √        | -        |
| 3. Adakah kamu memberikan tumpuan semasa dalam kelas bahasa Melayu? | √        | -        |
| 4. Adakah kamu sentiasa menyiapkan kerja rumah bahasa Melayu?       | -        | √        |
| 5. Adakah kamu suka mata pelajaran bahasa Melayu?                   | √        | -        |
| 6. Adakah kamu tertarik dengan mata pelajaran bahasa Melayu?        | √        | -        |
| <b>JUMLAH</b>   | <b>5</b> | <b>1</b> |

**Jadual 2.1 :** Jawapan temu bual sampel kajian berkaitan minat terhadap pembelajaran bahasa Melayu

Pengkaji telah menjalankan proses temu bual secara bergilir-gilir. Hasil dapatan telah menunjukkan bahawa sampel kajian 1 menyatakan lima daripada enam soalan dengan jawapan 'ya' manakala hanya satu jawapan sahaja yang dijawab dengan 'tidak'. Sampel kajian ini menyatakan bahawa sangat bersungguh-sungguh mempelajari bahasa Melayu serta menyatakan minat terhadap bahasa Melayu. Sampel kajian pertama ini juga menyatakan kesukaan, tertarik serta dapat memberikan tumpuan sepenuhnya semasa di dalam kelas bahasa Melayu. Namun begitu, sampel kajian pertama menyatakan bahawa dia gagal untuk menyiapkan kesemua tugas kerja rumah bahasa Melayu yang diberikan. Kesimpulannya, sampel kajian 1 menunjukkan minat yang mendalam terhadap mata pelajaran bahasa Melayu.

Pengkaji seterusnya melaksanakan proses temu bual dengan sampel kajian kedua. Soalan yang diujarkan juga adalah soalan yang sama. Fokus yang diberikan juga adalah sama iaitu untuk menguji dan meneroka minat sampel kajian kedua terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Hasil dapatan data dibentangkan seperti di bawah:

**Sampel Kajian 2**

| Soalan  | Ya       | Tidak    |
|---|----------|----------|
| 1. Adakah kamu bersungguh-sungguh belajar bahasa Melayu?            | √        | -        |
| 2. Adakah kamu berminat belajar bahasa Melayu?                      | √        | -        |
| 3. Adakah kamu memberikan tumpuan semasa dalam kelas bahasa Melayu? | -        | √        |
| 4. Adakah kamu sentiasa menyiapkan kerja rumah bahasa Melayu?       | -        | √        |
| 5. Adakah kamu suka mata pelajaran bahasa Melayu?                   | √        | -        |
| 6. Adakah kamu tertarik dengan mata pelajaran bahasa Melayu?        | -        | √        |
| <b>JUMLAH</b>   | <b>3</b> | <b>3</b> |

**Jadual 2.2 :** Jawapan temu bual sampel kajian berkaitan minat terhadap pembelajaran bahasa Melayu

Hasil dapatan data daripada sesi temu bual sampel kajian kedua menunjukkan bahawa sampel ini berada pada paras sederhana. Keputusan jawapan 'ya' dan 'tidak' yang ditunjukkan oleh sampel kajian kedua adalah sama banyak. Sampel kajian ini menyatakan minat dan kesungguhannya untuk mempelajari bahasa Melayu. Selain itu, sampel ini juga menyatakan kesukaannya terhadap mata pelajaran bahasa Melayu. Namun begitu, sampel kajian ini mengakui kegagalannya untuk memberi tumpuan yang sepenuhnya semasa proses pembelajaran bahasa Melayu di dalam kelas serta tidak mampu untuk menyiapkan semua tugas kerja rumah yang diberikan oleh guru. Selain itu, sampel kajian kedua ini juga menyatakan bahawa dia tidak tertarik dengan proses pengajaran mata pelajaran bahasa Melayu. Hal ini tidak dinyatakan sebabnya secara terperinci namun pengkaji mengandaikan bahawa kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru juga memainkan peranan untuk menarik tumpuan sampel kajian semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Justeru itu, pengkaji



merumuskan bahawa sampel kajian kedua juga menunjukkan minat terhadap pembelajaran bahasa Melayu namun tidaklah secara begitu mendalam.

Pengkaji meneruskan lagi sesi temu bual dengan mengujarkn soalan kepada sampel kajian yang terakhir. Pemilihan soalan juga adalah sama dengan sampel kajian yang lain. Hasil dapatan kajian juga dibentangkan dalam bentuk jadual. Huraian berkaitan dengan data juga dibuat dan dijelaskan berdasarkan dapatan data yang diperoleh. Berikut merupakan hasil dapatan data bagi sampel kajian ketiga:

**Sampel Kajian 3**

| Soalan  | Ya       | Tidak    |
|---|----------|----------|
| 1. Adakah kamu bersungguh-sungguh belajar bahasa Melayu?            | √        | -        |
| 2. Adakah kamu berminat belajar bahasa Melayu?                      | √        | -        |
| 3. Adakah kamu memberikan tumpuan semasa dalam kelas bahasa Melayu? | -        | √        |
| 4. Adakah kamu sentiasa menyiapkan kerja rumah bahasa Melayu?       | -        | √        |
| 5. Adakah kamu suka mata pelajaran bahasa Melayu?                   | √        | -        |
| 6. Adakah kamu tertarik dengan mata pelajaran bahasa Melayu?        | √        | -        |
| <b>JUMLAH</b>   | <b>4</b> | <b>2</b> |

**Jadual 2.3 :** Jawapan temu bual sampel kajian berkaitan minat terhadap pembelajaran bahasa Melayu

Berdasarkan jadual 2.3 di atas, sampel kajian 3 menyatakan minat dan kesungguhan dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Hal ini dapat dibuktikan dengan jawapan yang diberikan oleh sampel kajian ini yang menyatakan ‘ya’ bagi item soalan yang ditanya. Selain itu, sampel kajian ini juga menyatakan persetujuan terhadap soalan berkaitan dengan perasaan suka dan tertarik dengan mata pelajaran bahasa Melayu. Namun begitu, sampel kajian ini turut menyatakan ‘tidak’ bagi soalan ketiga dan keempat iaitu berkaitan dengan tumpuan di dalam kelas serta keupayaan menyiapkan tugas kerja rumah bahasa Melayu. Hal ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor lain yang tidak dibincangkan dalam soalan yang ditanya. Oleh itu, sampel kajian ketiga juga telah menyatakan minat terhadap pembelajaran dan penerimaan bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

Kesimpulannya, ketiga-tiga sampel kajian telah menyatakan minat mereka terhadap bahasa Melayu. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan hasil dapatan temu bual yang telah dijalankan. Jika dilihat secara keseluruhannya, kesemua sampel kajian menyatakan bersetuju terhadap soalan minat dan kesungguhan dalam mempelajari bahasa Melayu. Selain itu, kesemua sampel kajian juga menyatakan bahawa mereka suka untuk mempelajari mata pelajaran bahasa Melayu di sekolah. Hal ini sekaligus dapat membuktikan bahawa kesemua sampel kajian sangat berminat dalam mempelajari bahasa Melayu. Justeru itu, aspek minat juga sangat memainkan peranan bagi memastikan pembudayaan bahasa Melayu di peringkat sekolah dapat diperluaskan dan dikuasai dengan baik oleh semua golongan masyarakat.

***Analisis Motivasi Murid Terhadap Penerimaan Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua***

Pengkaji juga telah menjalankan instrumen soal selidik untuk mendapatkan data bagi meneliti sejauh mana motivasi murid terhadap penerimaan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Pengkaji telah mengedarkan soalan soal selidik untuk dijawab oleh setiap sampel yang dipilih. Jawapan yang ditanda oleh setiap sampel kajian adalah dengan bimbingan guru mata pelajaran bahasa Melayu yang mengajar. Hasil kutipan data dianalisis untuk mendapatkan bukti dan maklumat terhadap pengaruh motivasi dalam menghasilkan murid yang cekap berbahasa Melayu. Item yang disediakan dalam memperoleh data dibahagikan kepada lima soalan iaitu bahasa Melayu ialah subjek wajib, saya bercita-cita melanjutkan pelajaran dalam bahasa Melayu, menguasai bahasa Melayu dapat meluaskan pandangan saya, menguasai bahasa Melayu memperkembangkan pengetahuan saya, dan menguasai bahasa Melayu menjadikan saya orang yang berpengetahuan tinggi. Pilihan jawapan ditetapkan kepada dua pilihan iaitu ‘ya’ dan ‘tidak’ sahaja.

Berdasarkan kepada hasil kutipan data mendapati bahawa semua sampel kajian mengakui dan mengetahui bahawa bahasa Melayu merupakan mata pelajaran yang wajib dikuasai di sekolah. Sementara dalam konstruk bercita-cita untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang bahasa Melayu, hanya seorang sampel kajian yang memilih ‘ya’ manakala dua lagi sampel memilih ‘tidak’. Seterusnya, dalam konstruk penguasaan bahasa Melayu dapat meluaskan pandangan pula, dua orang sampel memilih ‘ya’ manakala seorang sampel memilih ‘tidak’. Namun begitu, ketiga-tiga sampel kajian bersetuju bahawa penguasaan dalam bahasa Melayu dapat memperkembangkan pengetahuan. Akhir sekali, dalam konstruk bahasa Melayu dapat menjadikan diri lebih berpengetahuan tinggi, rata-rata sampel memilih ‘tidak’ berbanding ‘ya’ yang menjadi pilihan seorang sahaja sampel kajian. Secara keseluruhannya, kesemua sampel kajian lebih banyak memilih ‘ya’ dengan bilangan sepuluh kesemuanya berbanding ‘tidak’ yang lebih bersifat negatif dengan hanya lima sahaja yang dipilih.

| Konstruk   | Ya        | Tidak    |
|--|-----------|----------|
| 1. Bahasa Melayu ialah subjek wajib  | 3         | -        |
| 2. Saya bercita-cita melanjutkan pelajaran dalam bidang bahasa Melayu.       | 1         | 2        |
| 3. Menguasai bahasa Melayu meluaskan pandangan saya                          | 2         | 1        |
| 4. Menguasai bahasa Melayu memperkembangkan pengetahuan saya.                | 3         | -        |
| 5. Menguasai bahasa Melayu menjadikan saya orang yang berpengetahuan tinggi. | 1         | 2        |
| <b>JUMLAH</b>  | <b>10</b> | <b>5</b> |

**Jadual 3 :** Soal selidik motivasi sampel kajian terhadap bahasa Melayu

Hasil analisis yang dibuat menunjukkan bahawa rata-rata sampel kajian menunjukkan motivasi yang tinggi untuk mempelajari dan memahami bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. Hal ini menunjukkan bahawa faktor motivasi juga memainkan peranan dalam membentuk kesungguhan pelajar untuk meneroka ilmu baharu dalam kehidupan. Melalui dapatan data juga, menunjukkan bahawa perlu ada kesedaran yang tinggi berkaitan dengan perkembangan ilmu pengetahuan untuk meningkatkan motivasi bagi menguasai dan memahami sesuatu ilmu pengetahuan. Justeru itu, motivasi yang baik dan positif perlulah kerap disemai dan ditanam dalam diri setiap pelajar untuk membantu meningkatkan penguasaan dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua.

## V. Perbincangan

Kajian ini bertujuan untuk meneroka sejauh mana faktor sikap, minat dan motivasi memainkan peranan dalam membantu penerimaan proses pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua dalam kalangan pelajar bukan penutur jati bahasa Melayu. Pengkaji telah menjawab ketiga-tiga persoalan dalam kajian ini. Berdasarkan dapatan pemerhatian yang telah dibuat, mendapati bahawa sikap pelajar itu sendiri yang memainkan peranan dalam menentukan penerimaan terhadap pemerolehan bahasa kedua. Sikap pelajar terhadap bahasa kedua seperti keinginan untuk mempelajari bahasa Melayu itu sendiri dapat membantu meningkatkan penguasaan yang lebih berkesan. Hasil dapatan kajian juga menunjukkan bahawa keinginan untuk membaca, menulis dan bertutur dalam bahasa Melayu sangat penting untuk meningkatkan kemahiran berbahasa dalam bahasa kedua.

Selain itu, minat pelajar untuk mempelajari bahasa Melayu juga memainkan peranan dalam membentuk penguasaan bahasa kedua. Hasil dapatan kajian melalui instrument temu bual menunjukkan bahawa faktor minat dapat mempengaruhi aspek kemahiran berbahasa dalam bahasa kedua. Antara elemen yang diteroka adalah seperti kesungguhan, minat dan tumpuan yang diberikan oleh pelajar terhadap proses pembelajaran bahasa Melayu. Melalui dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar yang menunjukkan minat, kesungguhan dan dapat memberikan tumpuan akan membantu meningkatkan kemahiran berbahasa dalam bahasa kedua. Selain itu, faktor-faktor seperti perasaan suka, tertarik hati dan kesungguhan menyiapkan tugas juga boleh membuktikan minat seseorang terhadap perkara yang dipelajari. Justeru itu, aspek minat juga dapat membantu meningkatkan kemahiran berbahasa sekaligus membantu proses pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua pelajar.

Demikian juga dengan faktor motivasi yang ada dalam diri pelajar. Faktor motivasi ini diterokai dengan menggunakan instrument soal selidik. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar yang mempunyai keinginan dalam mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua menunjukkan ciri-ciri motivasi yang tinggi terhadap proses pembelajaran bahasa Melayu. Antara elemen yang diteroka adalah berkaitan dengan pengetahuan murid tentang bahasa Melayu sebagai subjek wajib, bercita-cita untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang bahasa Melayu, kemampuan bahasa Melayu meningkatkan pengetahuan, penguasaan bahasa Melayu dapat meluaskan pandangan, dan melalui penguasaan bahasa Melayu dapat meluaskan pandangan. Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar yang memiliki motivasi diri yang tinggi terhadap pembelajaran bahasa Melayu membolehkan penguasaan bahasa Melayu menjadi lebih baik.

## KESIMPULAN

Penguasaan kemahiran berbahasa dalam bahasa kedua banyak bergantung kepada kesediaan pelajar itu sendiri untuk menerima dan mempelajari bahasa Melayu. Kesediaan pelajar merangkumi bagaimana seseorang pelajar itu menanamkan minat terhadap pembelajaran bahasa kedua. Selain itu, setiap pelajar juga seharusnya memiliki sikap yang positif terhadap bahasa yang dipelajari. Aspek motivasi juga memainkan peranan dalam membantu meningkatkan keupayaan mempelajari bahasa kedua. Melalui ketiga-tiga aspek ini, barulah proses mempelajari bahasa kedua dapat berjalan dengan baik seterusnya berupaya membantu meningkatkan penguasaan berbahasa seseorang pelajar. Justeru itu, menjadi peranan semua pihak untuk membantu

meningkatkan minat, sikap dan motivasi pelajar untuk mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa kedua bagi golongan pelajar yang bukan penutur jati.

### **Rujukan**

- [1]. Abd.Rahim Abd.Rashid. 2003. Keanekabahasaan dalam era globalisasi. *Dewan Bahasa*. Oktober.
- [2]. Abdullah Hassan. 1996. *Isu-isu pembelajaran dan pengajaran bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- [3]. Abdullah Musa. 2004. Sikap dan motivasi pelajar Dusun terhadap pembelajaran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Kertas Projek Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [4]. Ajjid Che Kob. 1990. Kajian sosiolinguistik bahasa Melayu: Satu tinjauan. *Jurnal Dewan Bahasa*, 34 (12): 919- 923.
- [5]. Farid M. Onn & Ajjid Che Kob. 1981. *Pengaruh bahasa ibunda dalam proses pembelajaran bahasa Melayu di kalangan pelajar Melayu*. Bangi: Penerbitan Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [6]. Fox, N. 1998. *Trent Focus for Research and Development in Primary Health Care: How to Use Observation in a Research Project*. Trent Focus.
- [7]. Kamiliyah Ayu & Zamri Mahamod. 2015. Strategi Pembelajaran Bahasa Melayu Dalam Kalangan Pelajar Bukan Melayu. *Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu & Kesusasteraan Melayu*. Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [8]. Mangantar Simanjuntak. 1990. Pertumbuhan dan perkembangan bahasa kanak-kanak. *Jurnal Dewan Bahasa*, 34: 692-703.
- [9]. Norsidah Ab. Hamid, Jamaludin Badusah, dan Fairose Sulaiman. 2010. Kelemahan tatabahasa pelajar Cina dalam penulisan karangan pada peringkat sekolah menengah rendah. *Prosiding Seminar Antarabangsa Pendidikan Bahasa Melayu*, 12-18 Jun.
- [10]. Nur Hayati Abdullah. 2002. Sikap dan motivasi dalam pembelajaran bahasa kedua. *Dewan Bahasa*. Mei.
- [11]. Siti Nurliyana & Zamri Mahamod. 2015. Pengetahuan, Sikap dan Kesiediaan Pelajar Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dalam Pembelajaran Pemahaman Bacaan. *Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu & Kesusasteraan Melayu*. Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [12]. Zamri Mahamod. 2016. *Psikolinguistik dan pengajaran bahasa*. Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. Selangor.
- [13]. Zamri Mahamod, Bukari Kadam, Sabariah Samsuri & Rosmini Md. Salleh. 2005. Faktor-faktor sosiolinguistik dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua: Satu kajian kes dalam karangan pelajar India. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Kebangsaan Linguistik (SKALI). Anjuran Fakulti Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia pada 12-13 April 2005 di Bilik Seminar FSKK, UKM Bangi.
- [14]. Zamri Mahamod & Zarina Othman. 2001. Sikap Pelajar Cina terhadap Pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Dewan Bahasa*, Februari: 40-43.
- [15]. Zulkifley Hamid, Karim Haron & Saadiah Ma'alip. 2000. Tahap penguasaan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama dan bahasa kedua. *Jurnal Dewan Bahasa*, 44 (1).

International Journal of Humanities and Social Science Invention (IJHSSI) is UGC approved Journal with Sl. No. 4593, Journal no. 47449.